

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

SAU369 - Kaum Wanita dan Masyarakat

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan. Soalan Bahagian A WAJIB dijawab dan pilih DUA soalan dari Bahagian B.

BAHAGIAN A [40%]

SOALAN WAJIB

1. Beri tafsiran kerja di rumah (reproduction). Apakah kaitan di antara kerja di rumah (reproduction) dengan kerja di luar yang bergaji (production) bagi ramai wanita? Bagaimanakah kaitan ini mempengaruhi pilihan pekerjaan bergaji dan apakah kesan-kesan "reproduction" ke atas spira "production" bagi kebanyakan wanita? Perbincangan perlu menggunakan contoh-contoh di Malaysia.

BAHAGIAN B [60%]

Jawab DUA soalan sahaja.

2. Pergerakkan wanita di Barat banyak menyoal tentang eksploitasi kaum lelaki ke atas kaum wanita baik dalam aspek ekonomi maupun budaya. Apakah unsur-unsur utama yang mereka persoalkan dalam aspek-aspek ini? Nilaikan sejauhmana wanita di Malaysia mengalami kedudukan yang sama.

[30%]

...2/-

3. Pelacuran adalah pengobjektifikasian (objectification) wanita sebagai barangan seks. Apakah sebab-sebab objektifikasi ini berlaku? Apakah tanggungan lelaki di dalam memperlanjutkan sistem pelacuran ini? Terangkan dalam konteks Malaysia dan Asia Tenggara.
[30%]

4. Sexisme juga memecahbelahkan manusia dengan lebih ketara ke dalam kategori lelaki dan perempuan. Analisis sebab-sebab sexisme ini dipergunakan dan kesan-kesannya ke atas peranan jantina, hubungan jantina, dan pasaran buruh.
[30%]

5. Keganasan berleluasa di masa kini dan kaum wanita selalu menjadi mangsa. Apakah maksud keganasan dan jenis-jenisnya? Sejauhmanakah kita boleh mengatasi masalah keganasan terhadap wanita ini dengan melibatkan parti-parti politik, badan sukarela, perundangan dan secara peribadi.
[30%]